

Pensyarah UMP menang anugerah inovasi 2017

(FOTO MOHD RAFI MAMAT/BH)

➔ Hasilkan produk pemusnah anai-anai berasas tandan sawit

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Kegigihan seorang pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) selama 12 tahun mengenai potensi tandan sawit berbaloi

apabila beliau dipilih menerima Anugerah Inovasi Negara 2017 (AIN2017).

Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Alam Sekitar UMP, Abdul Syukur Abd Razak, 45, menerima anugerah itu bagi kategori produk daripada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau pada majlis di ibu negara, Jumaat lalu.

Hadiah RM50,000

Abdul Syukur, 45, yang menerima hadiah RM50,000, piala dan sijil penghargaan, berkata beliau menghasilkan pemusnah anai-anai dengan nama komersial 'Pisoptera' yang berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

"Produk ini mula dipasarkan

tujuh tahun lalu, tetapi sejak R&D bermula 12 tahun lalu, saya sentiasa menambah baik produk.

"Ia ada nilai komersial dan setiap tahun, kami boleh menjual sehingga 1.5 juta unit Pisoptera," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Katanya, produk dipasarkan oleh UMP Ecopest Sdn Bhd, anak syarikat milik UMP yang beroperasi di pusat komersial bandar Gambang, di sini.

"Sudah pasti ia memberikan keyakinan kepada kami di UMP dengan sokongan Naib Canselor, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, kami bersemangat menghasilkan lebih banyak produk R&D berkualiti dan bermanfaat kepada masyarakat," katanya.



Abdul Syukur meraih Anugerah Inovasi Negara 2017 bagi produk Pisoptera.